

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID
BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi memperkasakan institusi tafhib di Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan terus memberi perhatian terhadap pemerkasaan institusi tafhib di Malaysia. Usaha pemerkasaan tafhib ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan penuh konsisten dan yang pasti ia telah dimulakan oleh Yang Berhormat sejak sebelum ini lagi. Penyelarasan bersama Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) dan agensi Kerajaan yang lain adalah amat penting dalam memastikan agenda pemerkasaan ini dapat direalisasikan.

2. Oleh itu, usaha-usaha pemerkasaan institusi tafhib di Malaysia melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Tafhib Negara (DPTN) yang diperkenalkan sejak tahun 2016 tetap diteruskan sehingga kini. Dasar ini menggariskan lima (5) teras utama iaitu:

- i. Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan;

- ii. Mewujudkan Model Institusi Tahfiz;
 - iii. Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana;
 - iv. Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz; dan
 - v. Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan Bagi Institusi Tahfiz.
3. Sehingga kini, pelaksanaan DPTN mendapat kerjasama yang baik daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN). Pelaksanaan dasar ini dipantau melalui pelbagai platform seperti Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasian Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) Mengenai Pendidikan Tahfiz, Mesyuarat Jawatankuasa Induk DPTN dan Jawatankuasa-Jawatankuasa berkaitan pendidikan Islam. Kesemua platform mesyuarat tersebut turut melibatkan wakil setiap negeri bagi tujuan memudahkan penyelarasian pelaksanaannya.
4. Antara pencapaian utama dasar ini ialah:
- i. Mewujudkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz;
 - ii. Pindaan terhadap Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505);
 - iii. Penggubalan draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Sekolah Agama Islam)
 - iv. Memperkenalkan tiga (3) model dan kurikulum peringkat menengah yang sesuai dengan pendidikan arus perdana seperti Tahfiz Bersepadu, Tahfiz Turath dan Tahfiz Kemahiran;
 - v. Di peringkat pengajian tinggi, sebanyak 19 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi

Swasta (IPTS) dan Maahad Tahfiz Negeri telah bekerjasama dengan Darul Quran JAKIM.

- vi. Melaksanakan kursus dan latihan kepada Pengurus atau Mudir institusi tahfiz dengan kerjasama institusi latihan kerajaan seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Institut Aminuddin Baki (IAB), dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), JAKIM.
- vii. Penyaluran bantuan khas penyelenggaraan premis kepada institusi tahfiz. Bantuan khas ini dilaksanakan sejak tahun 2017 sehingga kini. Jumlah keseluruhan peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan sejak tahun 2017 sehingga 2020 ialah sebanyak RM180 juta.

5. Pihak Kerajaan bersama Pihak Berkuasa Agama Negeri dan pihak berkaitan pendidikan tahfiz dalam masa yang terdekat akan membangunkan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan DPTN kekal relevan dan mencapai objektifnya.

6. Kesimpulannya, perancangan dan usaha bersepadu antara Kerajaan Persekutuan dan negeri serta pihak berkepentingan dalam isu tahfiz ini akan terus diperkasakan bagi membuktikan kepedulian Kerajaan terhadap pendidikan tahfiz di negara ini.

Sekian, terima kasih.